

03/09/2001

Tiga negara bekerjasama banteras gerakan militan

PETALING JAYA, Ahad - Malaysia, Indonesia dan Filipina mempunyai jalinan kerjasama yang cukup mantap bagi membanteras cubaan kumpulan militan di tiga negara itu membentuk pakatan serantau.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata kerajaan tiga negara berkenaan sudah bersetuju untuk bekerjasama dalam satu pasukan untuk mencegah gerakan itu menular di rantau ini.

Syed Hamid berkata, soal keselamatan memang menjadi perhatian ketiga-tiga negara dan dibincangkan dalam pertemuan antara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo serta Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri yang mengadakan lawatan berasingan ke Malaysia baru-baru ini.

"Kita tidak boleh terima keganasan sebagai cara memperjuangkan Islam kerana ini hanya mewujudkan ketidakstabilan dan menjejaskan pembangunan umat yang berilmu dari segi agama.

"Kementerian saya sendiri akan meneruskan pemantauan mengenai kegiatan kumpulan ini dan bertukar maklumat dengan rakan sejawatan di negara serantau," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Keluarga Wisma Putra di Sunway Lagoon hari ini.

Beliau menegaskan kerajaan juga akan terus mengambil tindakan proaktif bagi membendung kegiatan kumpulan militan yang antara lain mahu menumbangkan kerajaan secara kekerasan.

Syed Hamid berkata demikian ketika mengulas pendedahan Perdana Menteri semalam mengenai usaha kumpulan ekstremis di ketiga-tiga negara itu membentuk satu rangkaian bagi mencapai objektif mereka membentuk kerajaan Islam menggunakan kekerasan.

Sebelum ini, pada 18 Ogos lalu Berita Harian mendedahkan bahawa Kumpulan Militan Malaysia (KMM) mengadakan pakatan sulit dengan gerakan militan di Indonesia dan selatan Filipina bagi menggulingkan kerajaan secara kekerasan.

Menerusi pakatan itu, gerakan militan di tiga negara berkenaan merancang mencetuskan huru-hara di Indonesia bagi menumbangkan kerajaan republik berkenaan secara revolusi, diikuti Malaysia serta selatan Filipina sebelum menubuhkan 'Daulah Islam Nusantara'.

Awal bulan lalu, seorang rakyat Malaysia, Taufik Abdul Halim atau dikenali Dani, ditahan polis Indonesia kerana terbabit dalam siri pengeboman di Jakarta.

Polis Indonesia turut mencari lapan lagi rakyat Malaysia yang dikatakan menyeludup masuk ke negara itu bersama Taufik.

Polis Malaysia pula menangkap 10 orang mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana dipercayai terbabit dalam aktiviti KMM yang boleh membahayakan keselamatan negara.

Hasil siasatan polis mendapati kumpulan itu dipercayai diketuai Nik Adli, 34, anak keempat Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan pernah mendapat latihan ketenteraan di Afghanistan.

Syed Hamid menjelaskan masyarakat di Malaysia tidak dapat menerima kumpulan militan dan tidak ada tempat langsung untuk golongan itu di negara ini kerana kekerasan dan keganasan tidak akan menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi umat Islam di rantau ini atau di tempat lain.

(END)